

Mahathir tidak perlu hadir di mahkamah

— Hakim

UM 22 APR 2000

KUALA LUMPUR 21 April — Mahkamah Tinggi di sini hari ini memutuskan bahawa Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad tidak perlu hadir di mahkamah sebagai saksi pembela dalam perbicaraan kes liwat Datuk Seri Anwar Ibrahim dan adik angkatnya, Sukma Darmawan Sasmitaat Madja.

Hakim Datuk Ariffin Jaka ketika memberi keputusan itu berkata tidak ada sedikitpun keterangan yang menunjukkan Dr. Mahathir terlibat untuk mereka-reka keterangan dalam apa yang didakwa sebagai pakatan untuk menjatuhkan Anwar.

Beliau mengumumkan demikian ketika membaca alasan penghakimannya pada kira-kira pukul 9.05 pagi ini berhubung isu sama ada relevan atau tidak memanggil Dr. Mahathir.

Beliau juga memutuskan untuk mengetepikan sapa yang telah dikeluarkan terhadap Dr. Mahathir.

Hakim Ariffin menjelaskan, selepas menimbang dengan begitu teliti, beliau tidak dapat mengelak dalam mencapai kesimpulan bahawa peguam bela gagal mengemukakan sebab yang memuaskan mengenai keterangan relevan yang mungkin diberikan oleh Dr. Mahathir.

Dalam penghakiman itu, Hakim Ariffin menerangkan bahawa Anwar dan Sukma telah memfailkan affidavit masing-masing bagi permohonan tersebut.

Bagaimanapun, jelas Hakim Ariffin, Timbalan Kanan Pendakwa Raya yang membantah permohonan itu mengatakan bahawa prosedur yang betul sepatutnya peguam bela berhujah di hadapan mahkamah dan bukan dengan cara melalui affidavit.

afidavit Anwar, saya mengatakan kenyataan-kenyataan itu dibuat berdasarkan hasil penyiasatan polis yang dijalankan berikutan dengan laporan yang dibuat oleh Anwar melarang pengedaran buku bertajuk 50 *Dalil Kenapa Anwar Tidak Boleh Jadi Perdana Menteri*.

“Dan dimaklumkan kepada saya bahawa tuduhan-tuduhan dalam buku itu adalah berasas dan pengakuan yang dibuat secara sukarela kepada saya oleh mereka yang terlibat bahawa Anwar telah melakukan salah laku seks dengan mereka. Azizan menceritakan bagaimana kali pertama diliwat apabila Anwar datang ke biliknya dan menyuruh dia mengurut badannya.”

Hakim Ariffin berkata, beliau menerima penjelasan Dr. Mahathir melalui affidavit jawapannya.

“Dr. Mahathir berhak untuk menyatakan pendapatnya berdasarkan penyiasatan polis dan pendapat ini adalah tidak relevan dengan dakwaan terhadap tertuduh pertama (Anwar) kerana pertuduhan dibuat oleh Peguam Negara selaku pendakwa raya dan dalam apa keadaan pun ia adalah perkara dengar cakap,” jelas Hakim Ariffin.

Hakim Ariffin berkata, oleh itu mahkamah mendapati Dr. Mahathir tidak terlibat dengan konspirasi untuk mereka cipta dakwaan liwat terhadap Anwar dan Sukma.

Keras

Sejurus sahaja Hakim Ariffin selesai membaca penghakimannya, Anwar bangun meluahkan kata-kata ~~keras kerana~~ tidak berpuas hati dengan apa yang diputuskan oleh mahkamah.

Hakim Ariffin berkata, peguam bela Anwar, Karpal Singh telah menimbulkan beberapa alasan untuk menyokong bahawa Dr. Mahathir adalah saksi penting.

Menurut beliau, Karpal mengatakan bahawa affidavit jawapan Perdana Menteri jelas menunjukkan bahawa Dr. Mahathir saksi penting yang seharusnya dipanggil oleh pendakwa.

Andaian

Malah, kata Hakim Ariffin, Karpal membuat andaian bahawa pendakwa tidak ingin memanggil Dr. Mahathir atas sebab yang hanya diketahui oleh mereka.

Tambah beliau, Karpal mengatakan pendapatnya bahawa oleh itu adalah kewajiban mahkamah untuk memanggil Dr. Mahathir sebagai saksi di bawah Seksyen 425 Kanun Prosedur Jenayah.

“Saya mendapati hujah demikian tiada merit dan persoalan mengenai Seksyen 425 itu tidak timbul,” jelasnya.

Hakim Ariffin berkata, memandangkan Dr. Mahathir telah diserahkan sapa oleh pihak pembela untuk hadir di mahkamah maka isunya sama ada terdapat keterangan penting yang betul bagi membuktikan fakta bahawa ia relevan.

Beliau menegaskan bahawa status Dr. Mahathir sebagai Perdana Menteri adalah sebagaimana rakyat biasa negara ini yang tiada apa-apa keistimewaan sekiranya dipanggil sebagai saksi di mahkamah.

Namun begitu, beliau juga meneliti hujah yang ditimbulkan oleh Karpal bahawa keterangan relevan adalah mengenai Azizan Abu Bakar yang dikata menemui Dr. Mahathir.

Hakim Ariffin membaca perenggan empat affidavit jawapan Dr. Mahathir yang telah dirujuk oleh Karpal semasa beliau berhujah mengenai perkara itu.

Dalam affidavit itu Dr. Mahathir menjawab kepada affidavit Anwar yang mengemukakan alasan untuk memanggil beliau sebagai saksi.

Ia berbunyi: “Berhubung dengan perenggan 7

Sambil menjerit ke arah hakim, Anwar berkata: “Dr. Mahathir sepatutnya berani datang ke mahkamah ini dan tidak bersembunyi di belakang baju anda. Apa yang kita terima di sini adalah suatu penghakiman mengikut apa yang Dr. Mahathir kata dan seolah-olah kebenarannya tidak boleh dipersoalkan.”

Dengan nada memekik Anwar berkata. “Di manakah keadilan ‘di mahkamah ini yang tidak’ menimbangkan langsung pandangan saya. Apakah istimewanya Dr. Mahathir? Anda tidak seharusnya mengambil arahan darinya. Beliau telah mklau-laung macam singa ke seluruh dunia dan sekarang takut untuk datang. Yang Arif, tolonglah berikan keadilan, apakah istimewanya Dr. Mahathir di sini?”

Hakim Ariffin lalu menanggungkan sidang dan Anwar dengan segera keluar dari kandang tertuduh lalu menemui wartawan di galeri awam untuk memberikan kenyataan akhbar yang mengandungi perasaan kesalnya kerana Dr. Mahathir tidak dipanggil sebagai saksi pembela.

Dalam pada itu, peguam bela Anwar, Christopher Fernando dan Timbalan Kanan Pendakwa Raya, Datuk Abdul Gani Patail kemudian dilihat masuk ke kamar hakim.

Ketika mahkamah bersidang semula, Fernando memberitahu bahawa Anwar sungguh kecewa dengan keputusan itu dan kini hanya hendak membiarkan sahaja kesnya.

Bagaimanapun, kata peguam bela itu, selepas beliau menasihatkan Anwar dan menyampaikan cadangan mahkamah, pihaknya memohon supaya perbicaraan ditangguhkan untuk Anwar memikirkan apa tindakan selanjutnya bagi mengemukakan pembelaannya.

Hakim Ariffin kemudian membenarkan perbicaraan ditangguhkan sehingga Rabu depan tanpa bantahan pihak pendakwa.